



MOHAMAD  
Fazli

HARIAN  
METRO

24/5/2016

P-36

## Banyak pertimbangan sebelum berhenti kerja

**Kuala Lumpur:** Buat perancangan dengan teliti dan jangan membuat keputusan secara terburu-buru atau hanya terikut-ikut dengan apa yang dilakukan oleh orang lain.

Pakar Kewangan Pengguna dari Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, seseorang individu perlu mempunyai matlamat jelas terhadap keputusan yang akan dibuat sekiranya mahu beralih daripada kerjaya tetap kepada bekerja sendiri.

Katanya, banyak yang perlu dipertimbangkan oleh mereka dan seseorang disarankan memerlukan sekurang-kurangnya tabung kecemasan 12 bulan ke atas

berdasarkan jumlah gaji kasar.

“Mereka perlu ingat bahawa bekerja sendiri bermakna perancangan teliti perlu dibuat terlebih dulu dan bukan membuat keputusan secara melulu. Paling penting, jangan membuat sebarang keputusan hanya kerana terikut-ikut dengan tindakan seseorang.

“Seseorang perlu mempunyai matlamat yang jelas, sebagai contoh jika bercadang menceburi bidang perniagaan, mereka perlu merancang dari awal seperti menghadiri pelbagai kursus untuk menambah ilmu.

“Kebanyakan mereka hanya melihat seseorang berdasarkan kejayaan mereka saja tetapi terlepas pandang mengenai sudut kegagalan seseorang. Ambil masa beberapa tahun untuk

pastikan diri bersedia,” katanya.

Dr Mohamad Fazli berkata, individu yang bekerja sendiri juga perlu membuat pertimbangan sebaiknya jika mereka mahu membuat pinjaman peribadi dengan tujuan untuk mengembangkan perniagaan atau kerjaya dari rumah yang dilakukan.

Katanya, apa yang membimbangkan ialah apabila kedudukan kewangan gagal diukur dengan kemampuan sebenar, sekali gus boleh mengundang seseorang dalam risiko muflis.

“Ini yang saya bimbangkan apabila mereka ghairah untuk membuat pinjaman untuk mengembangkan perniagaan. Bukan tidak boleh, tetapi mereka perlu ingat bekerja sendiri mempunyai pendapatan tidak menentu dan kemampuan perlu di-

ukur sama ada mampu atau tidak untuk membayar semula pembiayaan bank,” katanya.

Katanya, individu yang bekerja sendiri juga perlu merancang persaraan mereka sendiri dengan menyediakan satu simpanan khusus memandangkan mereka tidak lagi mencarum secara tetap menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

“Mereka boleh mempertimbangkan Skim Persaraan Swasta sebagai alternatif untuk menyimpan bagi simpanan persaraan yang boleh digunakan pada masa hadapan.

“Namun, pada masa sama, mereka perlu pelbagaikan juga kaedah simpanan menerusi pelaburan unit amanah umpamanya dan juga pelaburan lain,” katanya.